

Fakulti Kejuruteraan UMS jayakan retreat dan bengkel KRA 2024

UB 05.03.2024 P.06

KOTA KINABALU: Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Retreat dan Bengkel Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Pengurusan Fakulti Kejuruteraan bagi Tahun 2024 di Beringgis Beach Resort, Papar baru-baru ini.

Dekan FKJ, Prof. Madya Ts. Dr. Ismail Saad berkata, program antara lain bertujuan merangka, merancang dan menetapkan strategi merealisasikan Pelan Strategik Universiti Malaysia Sabah bagi tahun 2024.

“Selain itu, program ini juga untuk menilai semula pencapaian setiap KRA yang ditetapkan oleh Fakulti Kejuruteraan pada tahun 2023,” katanya.

Dalam ucapannya, beliau turut menekankan



AMANAT: Ismail menyampaikan ucapan.

dan semangat kerja berpasukan tinggi demi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Pelan Strategik UMS 2023 - 2027.

Sebagai tambahan kepada slogan sedia ada, beliau juga meminta penerapan nilai TEGUH, iaitu singkatan daripada perkataan Teamwork, Excellence, Good Governance, Universe dan Harmony sebagai nilai teras yang perlu diterapkan dalam setiap perkara yang dilaksanakan di fakulti.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama semua yang menjayakan pelaksanaan program berkenaan.

“Diharapkan segala tanggungjawab diamanahkan akan dilaksana dengan sebaik mungkin bagi mencapai kecemerlangan fakulti,” katanya.

penghayatan slogan fakulti yang diperkenalkannya, iaitu ‘Bersatu Kita Teguh’ sebagai satu nilai bersama yang perlu diterapkan kepada semua kakitangan.

Ia bagi membololehkan fakultimemupuk kerjasama



ALBUM: Gambar kenangan ahli yang terlibat dalam retreat dan bengkel KRA itu.